



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 1971

DR.83/1971

RANG UNDANG²

bernama

Suatu Akta bagi meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971.

MAKA INI-LAH DI-PERBUAT UNDANG² oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripada-nya, seperti berikut:

1. Akta ini boleh-lah di-namakan Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1971.
2. Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971 ada-lah dengan ini di-pinda sa-bagaimana yang di-nyatakan dalam Jadual bersama ini.

Tajok
ringkas.

Pindaan
Akta 30.

JADUAL

(Sekshen 2)

(Pindaan² kapada Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971)

1. Bahagian III—

Gantikan sekshen 6 (2) dan 11 (4) dengan yang berikut:

- “6 (2). Sa-suatu Perintah yang di-buat di-bawah sekshen-kecil (1) (kemudian daripada ini di-sebut ‘Perintah Perbadanan’) hendak-lah di-bentangkan dalam meshuarat kedua² Majlis Parlimen yang akan datang.
- 11 (4). Menteri hendak-lah mengarahkan supaya satu salinan akaun² Universiti itu yang telah di-odit di-bentangkan dalam kedua² Majlis Parlimen.”.

2. Jadual—

- (a) Masokkan perkataan “dan dekan²” di-antara perkataan “profesor²” dan perkataan “Universiti; dan” yang terdapat dalam sekshen 17 (1) (c);
- (b) Gantikan sekshen 17 (1) (d) dengan yang berikut—
“(d) lain² orang sa-bagaimana di-tetapkan oleh Statut.”;

- (c) Gantikan perkataan "Maka hendak-lah ada suatu Lembaga Pemilih dan tertaklok kepada mana² Statut, ia hendak-lah terdiri daripada—" yang terdapat dalam dua barisan pertama dalam seksyen 20 (1) dengan perkataan² "Suatu Lembaga Pemilih, tertaklok kepada mana² Statut, hendak-lah terdiri daripada—";
- (d) Gantikan perkataan "Lembaga Pemilih" dengan perkataan "Lembaga² Pemilih" di-mana sahaja terdapat; dan
- (e) Potong kesemua seksyen 55.

HURAIAN

1. Rang Undang² ini bertujuan untuk meminda peruntukan² tertentu dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971.
2. Seksyen 6 (2) Akta itu ada-lah di-pinda untuk membolehkan Perintah Perbadanan di-bentangkan dalam kedua² Majlis Parlimen.
3. Pindaan kepada seksyen 11 (4) Akta itu ada-lah berbangkit daripada pindaan kepada seksyen 6 (2) Akta itu.
4. Seksyen 17 (1) (c) Jadual kepada Akta itu ada-lah di-pinda untuk memasukkan dengan nyata dekan² dalam keanggotaan Senat oleh kerana bukan semua Ketua² Fakulti (dekan²) terdiri dari profesor².
5. Dengan meminda seksyen 17 (1) (d) Jadual tersebut keanggotaan Senat boleh di-ubah oleh Statut.
6. Seksyen 20 (1) Jadual kepada Akta itu ada-lah di-pinda untuk membolehkan lebih dari satu Lembaga Pemilih mengadakan meshuarat apabila sahaja keadaan memerlukan. Dan pindaan kepada perkataan "Lembaga Pemilih" berbangkit daripada pindaan di-atas.
7. Kesemua seksyen 55 Jadual kepada Akta itu ada-lah di-potong oleh kerana seksyen itu tidak lagi perlu di-sebabkan oleh seksyen 26 Akta yang memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengechualikan, mengubah atau menambah mana² peruntukan Jadual itu yang berkenaan dengan Perlembagaan sa-suatu Universiti.

[P.N. (U)² 221.]